

Headline	TNB juara Piala Sumbangsih		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	39
ArticleSize	137 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,712		



TNB juara Piala Sumbangsih

TENAGA Nasional Berhad (TNB) menebus kekecewaan dua tahun berturut-turut apabila menewaskan juara bertahan Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-1 menerusi penentuan penalti bagi merangkul trofi Piala Sumbangsih bagi perlawanan musim Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 pada Rabu.

Dalam aksi di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil di sini, TNB menyekat misi THT untuk gelaran hatrik apabila kedua-dua pasukan terikat 2-2 selepas masa penuh 60 minit perlawanan sebelum diheret ke penentuan penalti.

Sebagai rekod, THT sebelum ini menewaskan TNB dua kali dalam aksi Piala Sumbangsih, masing-masing menang 3-2 pada edisi 2022 dan 4-3 tahun lalu.

Kedua-dua pasukan memamerkan aksi seimbang pada awal perlawanan untuk memburu jaringan, namun TNB terlebih dahulu memecah kebuntuan menerusi pukulan sudut penalti yang dihasilkan Jang Jong-hyun pada minit ketiga.

TNB di bawah kendalian

Nor Saiful Zaini Nasiruddin kemudian menggandakan kedudukan pada minit ke-24 apabila Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal meledak jaringan padang, namun THT merapatkan jurang menerusi ledakan jaringan padang Fitri Saari pada minit sama.

THT di bawah jagaan Mohd Harfizi Baharom kemudian menyamakan kedudukan menerusi pukulan penalti strok Mohd Fitri minit ke-49.

Sementara itu, Nor Saiful Zaini berkata, meskipun mampu menyekat misi THT dalam pemburuan hatrik kejuaraan mereka, beliau tidak berpuas hati kerana hanya memperolehi satu mata untuk memulakan saingan liga musim ini.

“Permulaan baik tapi saya sangat tidak berpuas hati dengan permainan kerana kita memiliki banyak peluang yang sepatutnya boleh menang.

“Dalam perebutan juara liga kita hanya ada tiga pasukan, jadi dengan hanya satu mata akan sukar untuk kita juara,” katanya. -

Bernama